
**CATATAN DIALOG DIANTARA MIT/MACPA/MAICSA
DENGAN
BAHAGIAN TEKNIKAL**

Tarikh : 28 Januari 2000
Masa : 9.00 pagi - 11.15 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat
Lembaga Hasil Dalam Negeri
Tingkat 12, Blok 11
Jalan Duta
KUALA LUMPUR

KEHADIRAN

WAKIL LHDN:

- | | | | |
|----|-------------------------------|---|--|
| 1. | En. Nujumudin bin Mydin | - | Timbalan Ketua Pengarah - (Pengerusi) Teknikal & Perundangan |
| 2. | En. Lim Heng How | - | Timbalan Ketua Pengarah Pencegah & Pematuhan |
| 3. | En. Mohd Saian b. Hj. Ridzuan | - | Penolong Ketua Pengarah Bahagian Teknikal |
| 4. | Pn. Norimah bt. Senawi | - | Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi |
| 5. | Dr. Siti Mariam bt. Che Ayub | - | Penolong Ketua Pengarah Bahagian Perancangan Korporat |
| 6. | Pn. Mazidah bt. Ismail | - | Penolong Pegarah Kanan Cawangan Pungutan |
| 7. | Pn. Nik Esah bt. Nik Mahmood | - | Penolong Pengarah Kanan Cawangan Syarikat |
-
-

8.	Cik Nurul Aim bt. Ahmad	-	Penolong Pengarah Kanan Cawangan Penaksiran, Jalan Duta
9.	Pn. Ng Oi Leng	-	Penolong Ketua Pengarah Unit Sistem Taksiran Sendiri
10.	En. Ng Yew Hoon	-	Unit Petroleum
11.	Pn. Maridah bt. Ludin	-	Unit Duti Setem
12.	Pn. Rozina bt. Sheikh Osman Merican	-	Unit Perhubungan Awam
13.	Pn. Halimah bt. Ismail	-	Setiausaha

WAKIL PERSATUAN

1.	Tuan Hj. Abdul Hamid b. Mohd Hassan	-	Malaysian Institut of Taxation (MIT)
2.	En. Quah Poh Keat	-	MIT
3.	En. Veerinderjeet Singh	-	MIT
4.	En. Harpal Singh Dhillon	-	MIT
5.	En. Phoon Sow Cheng	-	MIT
6.	En. Lim Kok Seng	-	MIT
7.	En. Poon Yew Hoe	-	Malaysia Association of Chartered Public Accountants (MACPA)
8.	Cik Low Choi Kam	-	MACPA
9.	En. Kenneth Lim Tiong Beng	-	MACPA
10.	Pn. Tang Shook Kheng	-	MACPA
11.	En. Beh Tok Koay	-	MACPA
12.	En. Andres Kok Keng Siong	-	Malaysia Association of the institute Of Chartered Secretaries and Aministrators (MAICSA)
13.	En. Tang Hock Kim	-	MAICSA
14.	Pn. Norhaizah bt. Jemon	-	MAICSA

1.0. **PENDAHULUAN**

- 1.1. Tuan Pengerusi mengucapkan selamat pagi dan mengalu-alukan kedatangan wakil MIT, MACPA & MAICSA ke majlis dialog ini. Tuan Pengerusi seterusnya menerangkan bahawa tujuan dialog ini ialah bagi membincangkan beberapa isu yang berbangkit berkaitan pindaan ke atas Akta Cukai Pendapatan berhubung taksiran sendiri.
- 1.2. Mesyuarat dimaklumkan secara amnya, pindaan ke atas peruntukan Akta ini tidaklah begitu komprehensif tetapi ianya mencukupi bagi melaksanakan Sistem Taksiran Sendiri (STS). Apa-apa kelemahan yang wujud semasa pelaksanaan peruntukan ini akan diperbaiki dari masa ke masa.
- 1.3. Untuk mengatasi kelemahan yang mungkin timbul dalam pelaksanaan STS ini, Tuan Pengerusi juga mencadangkan agar satu Pasukan Kerja yang dianggotai oleh wakil-wakil persatuan dan LHDN ditubuhkan bagi mengkaji peruntukan berkaitan dan sekiranya terdapat perubahan-perubahan penting yang perlu dibuat terhadap peruntukan Akta ini ianya bolehlah disalurkan kepada Kabinet melalui sesi akan datang.
- 1.4. Tuan Pengerusi juga memaklumkan bahawa kelonggaran/konsesi akan diberi ke atas beberapa peruntukan Akta pada peringkat awal pelaksanaan STS bagi memberi kemudahan kepada semua pihak.

2. **Perkara-perkara Yang Telah dibincangkan:**

2.1. **Tempoh Asas Syarikat Pemegang Pelaburan (Seksyen 60 F) Dan Syarikat "Close - End Fund"**

Mesyuarat mengambil maklum berhubung cadangan MACPA bagi mengambil tahun kewangan sebagai tempoh asas sesuatu tahun

taksiran bagi syarikat-syarikat pemegang pelaburan dan syarikat “close-end fund” yang tidak menutup akaun mereka pada 31 Disember. Memandangkan pada masa ini, Ketua Pengarah tidak mempunyai kuasa untuk membenarkan tahun kewangan diambil sebagai tempoh asas, perkara ini perlu dikaji & kemungkinan akan melibatkan pindaan ke atas peruntukan Akta bagi membolehkan pelaksanaannya. Tuan Pengerusi meminta Pasukan Kerja yang akan ditubuhkan membuat penelitian terhadap perkara ini.

**2.2. Tuntutan Bagi Derma yang Di luluskan di Bawah
Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967**

Mesyuarat juga mengambil maklum tuntutan ke atas derma yang telah diluluskan boleh dibenarkan potongan mengikut tahun kewangan syarikat. Tuan Pengerusi meminta perkara ini juga dikaji dan kemungkinan memerlukan pindaan ke atas peruntukan Akta.

**2.3. Penyata dividen yang dibayar atau dikreditkan
Dalam tahun asas untuk suatu tahun taksiran -
Baki kredit di bawah Seksyen 108(6)**

Mesyuarat mengambil maklum berhubung laporan bagi penyata dividen yang dibayar atau di kredit dalam sesuatu tahun taksiran tidak menunjukkan baki kredit sebenar bagi tahun taksiran berkenaan memandangkan laporan bagi penyata tersebut perlu dikemukakan dalam tempoh 3 bulan selepas bermulanya tahun taksiran syarikat berkenaan. Tuan Pengerusi berpendapat penyata pindaan perlu dihantar dan mencadangkan agar perkara ini dibincangkan dengan lebih mendalam di mesyuarat yang berasingan.

2.4. **Anggaran Cukai Bagi Tahun Taksiran 2000**

Mesyuarat dimaklumkan di bawah peruntukan pindaan anggaran cukai yang kena dibayar tidak boleh kurang daripada jumlah cukai yang kena dibayar bagi tahun taksiran 1999. Syarikat yang mengalami kerugian dalam tahun 2000 juga diminta mengemukakan anggaran berdasarkan peruntukan yang sama. Walau bagaimanapun dalam kes-kes seumpama ini di mana cukai yang ditanggung di anggarkan kurang daripada tahun sebelum, syarikat bolehlah memohon kepada Cawangan Pungutan untuk mengurangkan jumlah ansuran bulanan yang perlu dibayar.

2.5. **Bayaran Ansuran Cukai Bagi Tahun Taksiran 2000 (Tahun Semasa)**

Mesyuarat dimaklumkan sebagaimana yang telah dibincangkan dalam dialog dengan Bahagian Operasi perbezaan cukai yang kena dibayar dan jumlah ansuran bagi tahun taksiran 2000 perlu dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari notis taksiran.

2.6. **Lanjutan Bayaran Ansuran Tahun Taksiran 2000**

Mesyuarat dimaklumkan bagi syarikat yang menutup akaun selain daripada 31 Disember, pihak Lembaga akan mengeluarkan Borang CP 201 bagi melanjutkan tempoh bayaran sehingga ke tahun 2001. Tuan Pengerusi meminta Persatuan Akauntan menasihatkan pelanggan mereka supaya membayar ansuran berdasarkan Jadual perlanjutan yang telah disediakan oleh LHDN tanpa menunggu arahan dikeluarkan oleh Cawangan Pungutan.

2.7. **Pembayaran Balik Cukai Dimana Jumlah Bayaran
Ansuran Yang Dibayar Melebihi Anggaran Yang Dipinda**

Mesyuarat dimaklumkan bagi kes-kes syarikat yang telah membayar ansuran cukai yang berlebihan, pembayaran balik akan dibuat dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pengemukakan borang retan. Seterusnya mesyuarat juga dimaklumkan bagi kes dimana anggaran pindaan yang telah dibuat ke atas cukai yang perlu dibayar adalah kurang daripada anggaran asal dan ansuran bayaran yang dibuat didapati telah berlebihan daripada anggaran pindaan ini pembayaran balik cukai mungkin boleh dipertimbangkan berdasarkan anggaran pindaan meskipun borang retan belum dikemukakan. Walaubagaimana pun perkara ini akan dirujuk kepada Ketua Pengarah terlebih dahulu.

2.8. **Syarikat Dalam Proses Pembubaran**

Bagi syarikat yang dalam proses pembubaran dimana akaun beraudit bagi syarikat-syarikat ini tidak perlu disediakan, borang 75 iaitu penyata penerimaan dan pembayaran oleh liquidator dalam proses penggulangan boleh dikemukakan bersama borang retan walaupun tempoh penyata berkenaan disediakan mungkin tidak selaras dengan tempoh asas syarikat. Adalah dipersetujui agar perkara ini dikaji oleh pasukan kerja yang akan ditubuhkan.

2.9. **Lanjutan Masa Bagi Menfailkan Borang Retan**

Pihak persatuan meminta penjelasan sama ada lanjutan masa bagi menfailkan borang retan selepas tahun 2000 dibenarkan. Mesyuarat dimaklumkan tiada peruntukan Akta yang membenarkan lanjutan masa untuk mengemukakan borang retan setakat ini. Lanjutan masa yang diberi sebelum ini hanya merupakan konsesi semata-mata. Walaubagaimana pun Tuan Pengerusi berpendapat lanjutan masa bagi

mengemukakan borang retan boleh dipohon jika pembayar cukai bersedia membayar perbezaan diantara jumlah cukai yang dianggar dengan jumlah cukai yang perlu dibayar berdasarkan deraf akaun yang belum diaudit. Wakil persatuan berpendapat perkara ini tidak praktikal kerana akan melibatkan gandaan kerja kepada kedua belah pihak dimana berkemungkinan terdapat perbezaan ke atas akaun sebelum dan selepas diaudit. Wakil persatuan seterusnya mencadangkan agar konsessi untuk lanjutan masa bagi mengemukakan borang retan dipertimbangkan dengan menggunakan alternatif lain seperti isu pembayaran dimana pertimbangan mungkin boleh diberi jika pembayar cukai membuat pengesahan semasa mengemukakan permohonan bahawa perbezaan diantara anggaran cukai yang dibayar dengan jumlah cukai sebenar tidak melebihi satu tahap seperti 30% - 35%. Bahagian Operasi diminta mengkaji perkara ini dan dicadangkan supaya perkara ini dibincang dalam dialog dengan Bahagian berkenaan di masa akan datang.

2.10. **Pindaan Kepada Seksyen 114 ACP 1967**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pindaan yang telah dibuat ke atas seksyen 114 ACP 1967 telah mengenakan denda/penalti ke atas sesiapa sahaja yang memberi nasihat atau bantuan berhubung penyediaan penyata yang boleh menyebabkan cukai yang dibayar berkurang daripada sepatutnya adalah agak berat dimana sebelum pindaan denda ini hanya dikenakan ke atas ejen cukai yang sengaja memberi nasihat dengan niat untuk mengelakkan cukai.

Tuan Pengerusi menjelaskan bahawa pindaan ini perlu dilaksanakan sekarang bagi memastikan keberkesanannya pada masa akan datang. Dua perkara penting yang telah dijelaskan disini ialah berhubung apa yang dimaksudkan dengan 'understatement' dan 'reasonable care'.

Pada kebiasaannya 'understatement' berlaku apabila pendapatan yang dilaporkan adalah kurang atau perbelanjaan yang dituntut adalah berlebihan atau sesuatu sumber pendapatan telah tidak dilaporkan yang menyebabkan cukai yang dibayar adalah terkurang daripada sepatutnya. Walaubagaimana pun jika seseorang itu telah mendapat nasihat daripada profesional dan berdasarkan nasihat tersebut cukai yang perlu dibayar adalah terkurang, ia tidak dikira sebagai 'understatement' selagi cukai tersebut ditaksir mengikut peruntukan Undang-Undang. Begitu juga dengan 'reasonable care'. Selagi seseorang pengamal cukai itu telah memberi cukup nasihat kepada pembayar cukai dan nasihat tersebut adalah berdasarkan peruntukan Akta, ia boleh dianggap telah memberi 'reasonable care'. Tuan Pengerusi juga menegaskan bahawa pengamal cukai bebas menjalankan profesionnya tanpa perlu merasa bimbang selagi nasihat atau bantuan yang diberi adalah berdasarkan peruntukan Undang-Undang. Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa jika seseorang pengamal cukai telah dianggap tidak memberi 'reasonable care' peluang akan diberi kepada beliau untuk membuat penjelasan sebelum ia didakwa di Mahkamah. Wakil cukai meminta supaya isu ini diberi penjelasan secara bertulis dengan menggariskan beberapa parameter berhubung pemakaian seksyen ini. Perkara ini akan diberi perhatian. Sehubungan dengan ini mesyuarat juga telah dimaklumkan bahawa ketetapan berhubung 'reasonable facilities' telah disediakan bagi menerangkan jenis bantuan dan kemudahan yang munasabah yang perlu disediakan oleh pembayar cukai atau orang-orang yang berkenaan kepada pegawai-pegawai LHDN yang diberi kuasa dalam menjalankan tugas mereka.

Berhubung isu ketiadaan peruntukan yang mewajibkan Ketua Pengarah membuat semakan semula ke atas penyata yang dikaji semula selepas pengemukaan borang retan, Tuan Pengerusi menegaskan seksyen 131 Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah

mencukupi dimana sekiranya terdapat kesalahan atau kesilapan dalam taksiran, pembayar cukai boleh meminta pindaan dibuat ke atas taksiran tersebut dalam tempoh enam tahun dari tarikh taksiran. Tuan Pengerusi juga telah memaklumkan kepada mesyuarat bahawa kadar penalti yang dikenakan ke atas pengakuan yang dibuat secara sukarela mungkin berbeza. Perkara ini sedang dikaji.

3. **Hal-Hal Lain**

3.1. **Kajian Semula Ke Atas Anggaran Cukai**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa sesuatu syarikat adalah dibenarkan mengemukakan pindaan ke atas anggaran cukai dalam bulan ke enam tempoh asas. Bagi membolehkan seseorang itu membuat kajian semula ke atas anggaran cukai yang perlu dibayar, anggaran asal perlu dikemukakan terlebih dahulu.

3.2. **Menyimpan Rekod Untuk Tempoh 6 tahun**

Mesyuarat dimaklumkan tempoh 6 tahun untuk menyimpan rekod tidak merangkumi kes-kes dalam penyiasatan.

3.3. **Kadar Elaun Modal Yang Baru**

Mesyuarat dimaklumkan kadar elaun modal yang baru adalah terpakai kepada aset yang sedia ada. Walaubagaimana pun sekiranya kadar asal yang dinikmati adalah lebih tinggi pembayar cukai boleh terus menikmati kadar asal tersebut.

3.4. **Elaun Imbangan**

Mesyuarat dimaklumkan bagi maksud pengiraan elaun imbangan ke atas aset yang telah dilupus dimana maklumat berhubung pelupusan aset berkenaan tidak diberi, nilai pasaran akan diambil sebagai nilai baki, terutama bagi aset yang bernilai tinggi seperti peralatan Teknologi Maklumat.

3.5. **Pengecualian Cukai Bagi Pemegang Saham Luar Negara (DTA Tax Sparing)**

Berikutan pelepasan cukai yang telah diberi ke atas pendapatan bagi tahun 1999, wakil persatuan ingin mendapat penjelasan sama ada pengecualian ke atas pendapatan tersebut juga boleh dinikmati oleh pemegang saham di luar negara. Tuan pengerusi menegaskan bahawa perinsip perjanjian cukai dua kali hendaklah diikuti iaitu jika pendapatan tidak dikenakan cukai di negara ini ia akan dikenakan cukai di negara yang satu lagi.

3.6. **Sekatan Ke Atas Bayaran Pengarah Kepada Pengarah Syarikat Terkawal**

Mesyuarat dimaklumkan syarikat terkawal yang baru memulakan operasinya tidak tertakluk kepada sekatan ke atas bayaran pengarah yang telah dibuat kepada pengarah-pengarahnya. Kes ini akan dikaji mengikut keadaan masing-masing.

3.7. **Kenyataan Pada Baucer Dividen Berhubung Pendapatan Yang Dilepaskan Cukai**

Wakil Persatuan meminta Bahagian Teknikal menyeragamkan perkataan yang akan digunakan dalam baucer dividen berhubung

pendapatan yang telah dilepaskan cukai. Tuan Pengerusi memaklumkan perkara ini telah disediakan dan akan disebar melalui laman web tidak lama lagi.

3.8. **Kaedah Potongan Cukai Pendapatan Bagi Perbadanan 1974**

Wakil Persatuan mencadangkan agar kaedah ini dipinda supaya memberi lebih manfaat kepada syarikat. Mesyuarat dimaklumkan sebarang cadangan untuk meminda kaedah cukai pendapatan hendaklah dikemukakan kepada Menteri melalui Bahagian Analisa Cukai.

4. **Penutup**

Tuan Pengerusi mengakhiri dialog dengan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir. Pihak Persatuan juga merakamkan ucapan terima kasih di atas kesudian pihak Lembaga mengadakan majlis dialog ini. Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.15 pagi.

Tarikh: 10 Mac 2000